



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 33/2021

### PENGOPERASIAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DALAM FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pengoperasian UMK dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 17 September 2021. Sehingga 27 September 2021, seramai 95.1% daripada staf UMK telah lengkap vaksinasi. Sebagai persediaan kemasukan pelajar ke kampus bermula 15 Oktober 2021, Pengurusan Universiti telah bersetuju pengoperasian UMK dijalankan menggunakan pendekatan seperti yang dinyatakan di bawah mulai **3 Oktober 2021**:
  - i. Hanya staf yang telah lengkap menerima dua (2) dos vaksin dan melepas 14 hari dari tarikh dos kedua dibenarkan memasuki kampus. Sekiranya staf menerima vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan, boleh memasuki kampus selepas 28 hari dari tarikh vaksin;
  - ii. Semua staf yang telah lengkap vaksinasi seperti yang dinyatakan di para 1 (i) dikehendaki **hadir bekerja secara fizikal** di pejabat masing-masing bagi memastikan pengoperasian Universiti berjalan lancar;
  - iii. Staf hendaklah merekod kehadiran masing-masing menggunakan Portal eCommunity sama ada menerusi komputer atau telefon pintar masing-masing **hanya** menerusi talian internet atau wifi Universiti mengikut kampus masing-masing. Peraturan keberadaan staf dalam waktu pejabat masih menggunakan peraturan sedia ada;
  - iv. Ketua PTJ perlu memastikan semua staf yang hadir ke pejabat adalah bagi staf yang telah lengkap vaksinasi dan memenuhi tempoh keberkesanan selepas vaksinasi serta memantau kehadiran staf di pejabat mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagi staf yang masih belum lengkap vaksinasi, Ketua PTJ perlu mengemukakan senarai staf kepada Pendaftar melalui Bahagian Pembangunan Organisasi menerusi emel [bpo@umk.edu.my](mailto:bpo@umk.edu.my); dan

- v. Aktiviti rasmi melibatkan mesyuarat dan upacara rasmi boleh dilaksanakan secara bersemuka dengan pematuhan kepada SOP yang ketat, mengambil kira 50% kapasiti ruang bilik dan kehadiran ahli yang telah lengkap vaksinasi dan tidak bergejala.
2. Pematuhan kepada arahan ini dan SOP yang ditetapkan adalah penting bagi memastikan pengoperasian dan aktiviti di dalam kampus dapat dijalankan dengan selamat bagi mengekang penularan COVID-19 di tempat kerja serta sentiasa mengamalkan norma baharu.
3. Pihak Universiti memohon agar semua staf dan pelajar untuk menjaga kesihatan dan keselamatan agar sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Mencegah penularan wabak COVID-19 adalah tanggungjawab kita bersama.
4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **3 Oktober 2021** tertakluk kepada arahan terbaru oleh Universiti atau Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
MAZULA BINTI SABUDIN  
Pendaftar  
29 September 2021

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab